

28/04/2001

ISA perlu diguna secara berhemat

ISU undang-undang Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kini menjadi perhatian terutama oleh badan hak asasi manusia berikutan penahanan beberapa pemimpin politik pembangkang. Undang-undang ISA tidaklah begitu kerap dikuatkuasakan oleh kerajaan dalam pemerintahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Undang-undang ISA digubal oleh kerajaan British dalam masa darurat ditujukan untuk membendung kegiatan komunis. Ia dimaksudkan untuk mencegah kegiatan yang dianggap boleh menimbulkan kekacauan dan ketidakstabilan negara. Setelah darurat, boleh dikatakan ia jarang-jarang digunakan. Seingat saya kali terakhir ia digunakan ialah pada masa Operasi Lalang pada 1980-an untuk mencegah politik perkauman oleh pihak tertentu. Kali ini, undang-undang itu digunakan terhadap beberapa pemimpin pembangkang. Ia juga dimaksudkan untuk mencegah anasir daripada pihak pembangkang yang dipercayai merancang kegiatan yang bisa mencetuskan kekacauan dalam negara.

Saya secara peribadi tentunya tidak bersetuju dengan undang-undang ini kerana pernah menjadi mangsa undang-undang itu pada 1970-an. Akibat daripada undang-undang itu, saya merengkok dalam tahanan selama lebih kurang lima tahun. Memang undang-undang itu keras kerana ia tidak mengizinkan orang yang ditahan untuk membela diri dalam mahkamah terbuka walaupun ada peruntukan dalam undang-undang itu yang memberi peluang kepada orang yang ditahan untuk membela diri tetapi peruntukan itu tidak mencukupi untuk orang yang ditahan membela dirinya. Seseorang yang ditahan mengikut ISA sebenarnya dibolehkan menggunakan jasa baik peguamnya sendiri untuk membela dirinya. Menurut peruntukan itu, setiap orang yang ditahan mengikut ISA dibolehkan merayu kepada sebuah panel yang diketuai oleh seorang bekas hakim demi menimbangkan kesnya.

Sebenarnya tiap-tiap negara walau di England mempunyai versi undang-undang ISA mereka sendiri. Pada hemat saya, undang-undang seperti ini kalau dirasakan perlu untuk menjaga keamanan, wajar mengandungi peruntukan di mana seorang tahanan itu diberi sepenuh kebebasan untuk membela diri di hadapan satu panel hakim yang khusus.

Sewaktu ditahan di bawah ISA selama lima tahun dulu, saya mulanya tidak bersedia untuk membuat rayuan kepada panel hakim itu. Bagi saya, panel itu tidak dapat memberikan keadilan yang wajar kepada saya kerana pertimbangannya lebih berat bergantung kepada laporan polis.

Saya tidaklah menentang undang-undang ISA kerana undang-undang seperti itu mungkin diperlukan untuk menangani masalah keamanan negara. Tetapi apa yang barangkali perlu dikaji ialah peruntukan di sisi undang-undang untuk memastikan seseorang yang ditahan mengikut ISA membela dirinya terhadap tuduhan yang dihadapinya.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) meminta supaya orang tahanan itu dibebaskan dengan segera ataupun dibicarakan. Menurut pengalaman saya, permintaan itu barangkali tidak dapat dipenuhi selagi pihak berkuasa polis belum sempurna menjalankan penyiasatan. Kalau saya tidak silap, orang yang ditahan mengikut ISA oleh polis akan dibebaskan selepas 60 hari sekiranya tidak sabit apa-apa 'kesalahannya'. Bagaimanapun, sama ada dia akan dibebaskan dalam masa tempoh itu ataupun tidak, bergantung kepada keputusan menteri yang bertanggungjawab.

Memang undang-undang ISA bisa disalahgunakan. Manakala saya ditahan mengikut ISA pada 1970-an dulu, tidak ada sedikit pun bukti bahawa saya

melakukan kesalahan seperti yang menjadi asas tuduhan ke atas saya. Saya dan kawan-kawan seperti Tan Sri Abdullah Ahmad menjadi korban politik dalaman beberapa pemimpin Umno tertentu pada masa itu. Ini menjadi rahsia umum. Pengalaman itu memberi keyakinan kepada kami bahawa undang-undang ISA itu boleh dipergunakan sebagai alat untuk kepentingan politik. Inilah yang harus dielakkan manakala pihak berwajib menggunakan undang-undang itu.

Sebaliknya, ia harus digunakan semata-mata untuk mencegah orang tertentu atau golongan tertentu daripada melakukan tindakan yang mengancam ketenteraman negara. Ia tidak harus digunakan untuk kepentingan politik atau sebarang kepentingan peribadi pemimpin.

(END)